

U B284 AAB  
MAHATHIR - TUNKU

IPOH, 23 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, USAHA KERAJAAN MELATIH DAN MENDEDAHKAN ORANG MELAYU KEPADA BIDANG PERNIAGAAN SEJAK TAHUN 1969 TELAH BERJAYA MELAHIRKAN RAMAI PENIAGA MELAYU YANG BERJAYA MALAHAN ADA YANG BOLEH MENANDINGI KAUM-KAUM LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEBALIKNYA JIKA PENDIRIAN TUNKU ABDUL RAHMAN YANG MENJADI PERDANA MENTERI SEBELUM ITU BAHAWA ORANG MELAYU HANYA LAYAK MENJADI KAKITANGAN KERAJAAN DAN ORANG CINA PULA BERNIAGA, SUDAH PASTI SAMPAI BILA-BILAPUN ORANG MELAYU TIDAK AKAN DAPAT MENGUASAI BIDANG PERNIAGAAN.

SAMBIL MELAHIRKAN RASA KESAL TERHADAP KENYATAAN TUNKU ABDUL RAHMAN BAHAWA ORANG MELAYU HARUS MENYERAHKAN SEPENUHNYA BIDANG PERNIAGAAN KEPADA KAUM CINA, BELIAU BERKATA KERANA ITULAH ORANG MELAYU DAN UMNO TELAH HILANG KEPERCAYAAN TERHADAPNYA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KEPADA PEMBERITA KETIKA DIMINTA MENGULAS MENGENAI KENYATAAN PENASIHAT PARTI SEMANGAT 46 ITU, SELEPAS MAJLIS BERBUKA PUASA DI KEDIAMAN MENTERI BESAR, DI SINI MALAM INI.

SEBELUM ITU BELIAU TELAH MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN ANGGOTA-ANGGOTA JAWATANKUASA PERGERAKAN PEMUDA UMNO PERAK. -- LAGI  
2136MST 23 04 90

U B285 AAB  
MAHATHIR - TUNKU 2 IPOH

KETIKA DITANYA SAMA ADA PENDIRIAN TUNKU ABDUL RAHMAN ITU MENCERMINKAN PENDIRIAN PARTI SEMANGAT 46, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +SEBAGAI PENASIHAT, TENTULAH SEDIKIT SEBANYAK PEMIKIRAN ITU DIKONGSI OLEH PARTI TERSEBUT+.

DATUK SERI DR MAHATHIR KESAL TERHADAP TINDAKAN TUNKU ABDUL RAHMAN MEMBUAT KENYATAAN ITU, YANG MENURUTNYA, TELAH DENGAN SENDIRINYA MERENDAHKAN MARTABAT PRESIDEN UMNO YANG PERTAMA ITU SEBAGAI PEJUANG KEBANGSAAN DAN BAPA KEMERDEKAAN.

+SEBENARNYA TIDAK ADA APA-APA YANG BARU MENGENAINYA (PENDIRIAN TUNKU) KERANA DARI DAHULU LAGI, ITULAH PENDIRIAN BELIAU IAITU ORANG MELAYU TIDAK ADA KEMAMPUAN MEMASUKI BIDANG PERNIAGAAN, DAN OLEH ITU HARUS MENJADI KAKITANGAN KERAJAAN SAHAJA DAN ORANG CINA PULA MENGENDALIKAN PERNIAGAAN,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN TUNKU ABDUL RAHMAN DILAPORKAN TELAH MENAFIKAN LAPORAN ITU TETAPI +KITA TAHU BAHAWA ITULAH PENDIRIAN TUNKU SEJAK DAHULU LAGI+.

+KITA INGIN MENGINGATI TUNKU SEBAGAI PEJUANG KEMERDEKAAN DAN BAPA MALAYSIA BAHAWA KITA TIDAK INGIN MENGINGATKAN BELIAU DENGAN PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIPERSETUJUI OLEH KITA SEJAK DAHULU YANG MENYEBABKAN KITA HILANG KEPERCAYAAN TERHADAP TUNKU SEJAK TAHUN 1969,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI  
2148MST 23 04 90

D877

U B286 AAB  
MAHATHIR - TUNKU 3 IPOH

TUNKU ABDUL RAHMAN DILAPORKAN BERKATA DALAM SATU TEMURAMAH DENGAN AKHBAR BERBAHASA CINA -- NANYANG SIANG PAU SINGAPURA BAHAWA -- ORANG MELAYU, YANG TIDAK PANDAI BERNIAGA KERANA TIDAK DIBERI LATIHAN, HARUS MENYERAHKAN PENGURUSAN BIDANG PERNIAGAAN KEPADA ORANG CINA YANG MEMANG PANDAI DALAM BIDANG ITU.

BEKAS PERDANA MENTERI ITU JUGA DILAPORKAN BERKATA, DENGAN CARA ITU, KERAJAAN DAPAT MENGUTIP LEBIH BANYAK CUKAI DARIPADA BIDANG PERNIAGAAN.

+KITA SEDAR BAHAWA MEMANG ORANG MELAYU LEMAH DALAM BIDANG PERNIAGAAN TETAPI SEKIRANYA TIDAK DILATIH, BAGAIMANA MEREKA HENDAK PANDAI. ORANG CINAPUN DAHULUNYA HANYA MENJALANKAN PERNIAGAAN KELUARGA TETAPI SETELAH DILATIH DALAM BIDANG KOPORAT, MEREKA KINI BERJAYA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MELALUI LATIHAN, HARI INI RAMAI ORANG MELAYU YANG MENCEBURI BIDANG PERNIAGAAN SECARA BESAR-BESARAN.

+KALAU TIDAK DIBERI LATIHAN BAGAIMANA KITA DAPAT MELAHIRKAN AHLI PERNIAGAAN SEPERTI DATUK AZMAN HASHIM (PENGERUSI ARAB MALAYSIAN-MERCHANT BANK DAN DATUK SHAMSUDDIN ABDUL KADIR (PENGERUSI SAPURA HOLDINGS),+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI  
2204MST 23 04 90

D878

U B287 AAB  
MAHATHIR - TUNKU 4 IPOH

KEPADA SARANAN PEMBERITA MUNGKIN USIA YANG TUA MEMBUAT TUNKU MENGELIJARKAN KENYATAAN SEBEGITU, PERDANA MENTERI BERKATA, +KALAU BEGITU ADALAH LEBIH BAIK BAGI BELIAU SUPAYA TIDAK MEMBUAT SESUATU YANG BOLEH MENYEBABKAN BELIAU TIDAK DIHORMATI, KERANA KITA MAHU MENGHORMATINYA+.

+SAYA SECARA PERIBADI INGIN MENGHORMATI BELIAU SEBAGAI SEORANG YANG LEBIH TUA DARIPADA SAYA, WALAUPUN BELIAU TIDAK SUKAKAN SAYA, YANG SEMEMANGNYA SEMUA KETAHUI. TETAPI ITU TIDAK MENGHALANG SAYA DARIPADA MENGHORMATI SESEORANG YANG LEBIH TUA DARIPADA SAYA+.

+PADA KADAR TERTENTU KITA PERNAH MENYUMBANG KEPADA KEJAYAANNYA. DI KEDAH KITA MENYOKONGNYA. JADI APA YANG PATUT BELIAU LAKUKAN SEKURANG-KURANGNYA IALAH MENYOKONG KITA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- BERNAMA

2205MST 23 04 90